

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

### **HFA101 – Pengantar Falsafah**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA (2) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

...2/-

**SULIT**

- 2 -

1. Bincangkan konsep *li* (kesesuaian upacara) dalam konteks sosio-politik Konfusius dan jelaskan TIGA fungsi utama *li* yang diuraikan oleh Antonio Cua.

[25 markah]

2. Thomas Aquinas telah mengemukakan lima cara (hujah) menyokong kewujudan Tuhan. Bincangkan dan beri penilaian anda mengenai Cara Ketiga: Hujah daripada Kontingensi; dan Cara Keempat: Hujah daripada Kesempurnaan yang Berbeza.

[25 markah]

3. Jelaskan dengan terperinci perbezaan dan perkaitan antara *dharana*, *dhyana*, dan *samadhi* dalam sistem Yoga.

[25 markah]

4. Al-Ghazali mengalami skeptisme dan bertarung dengannya selama dua bulan. Huraikan keraguan-keraguan yang dialami oleh al-Ghazali dan jelaskan cara beliau memperoleh keyakinan semula.

[25 markah]

5. Menurut Socrates dalam dialog *Apology* oleh Plato, para penyair tidak berupaya memahami maksud karya tulisan mereka sendiri. Jelaskan.

[25 markah]

6. Berdasarkan falsafah Epictetus dalam *Enchiridion* sebagai panduan, huraikan TIGA cara untuk anda sebagai pelajar universiti mengamalkan etika Stoisme dalam kehidupan.

[25 markah]

- oooOooo -

**SULIT**